

MAHATHIR - PBB

1978

KUALA LUMPUR, 24 JULAI (BERNAMA) — UMNO PASTI AKAN MENKKAJI SERTA MENINGGANG DENGAN TELITI SEKIRANYA ADA PERMOHONAN RASMI DARI PARTI PESAKA BUNIPUTERA BERSATU (PBB) SARAWAK UNTUK DISERAP KE DALAM UMNO, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MENSIJIFKAN CADANGAN BAGI MENJADIKAN PBB SEBAHAGIAN DARIPADA UMNO SEBAGAI BAIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO TELAH MENGULAS KENYATAAN PRESIDEN PBB, DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB DI KUCHING KELMARIN BAHAWA PBB AKAN DISERAP KE DALAM UMNO.

+UMNO PADA KESELURUHANNYA AKAN MENKKAJI TENTANG KEBAIKAN ATAU KEBURUKAN CADANGAN ITU,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA KEMASUKAN ATAU PENYERAPAN PBB KE DALAM UMNO TIDAKLA BERERTI UMNO MENCAMBIL ALIH PIMPINAN PARTI ITU.

KATANYA, DATUK PATINGGI RAHMAN TELAH PERNAH MENYATAKAN HASRAT-NYA UNTUK MENYERAPKAN PBB KE DALAM UMNO SEBELUM PILIHANRAYA UMUM. — BERSAMBUNG 1647/ZCM

MAHATHIR - PBB 2 KUCHING

+SEKIRANYA PERKARA ITU BERLAKU DAN DAPAT DILAKSANAKAN IA AKAN MENJADI SATU ISU POLITIK YANG BESAR KEPADA UMNO DAN PBB SENDIRI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA SECARA TIDAK LANGSUNG SETAKAT INI TELAH PUN WUJUD KERJASAMA DAN HUBUNGAN RAPAT DI ANTARA SEMUA PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL.

KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH GHANI PULA BERKATA CADANGAN PBB ITU ADALAH BAIK.

+BAGAIMANA PUN PUCUK PIMPINAN PARTI SERTA AHLI PERLU MENKKAJI DAN MEMBERI PANDANGAN JAUN TENTANG CADANGAN TERSEBUT,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK BOLEH DIBUAT TERGESA-GESA DAN KEPUTUSAN HANYA AKAN DAPAT DIBUAT SESUDAH DIKAJI DENGAN SEDALAM-DALAMNYA.

SETIAUSAHA KERJA PEMUDA UMNO ENCIK SAIDIN THAMBY BERKATA PEMUDA UMNO MEMANDANG BERAT CADANGAN ITU.

KATANYA, JIKA BOLEH PERKARA ITU DIBAWA KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKAN DATANG UNTUK DIBAHASKAN BAGI KEPENTINGAN SEMUA AHLI. — BERNAMA 1651/ZCM